

▼11/07/23-51MST

CNS2622

R GB 11-07 00153 BC075

bah

Mahathir - Warga

MAHATHIR AKAN TERIMA ANUGERAH WARGA BANDAR TIRANA

TIRANA, 11 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mahathir, yang akan tiba di sini lewat petang ini, akan dianugerahkan Warga Kehormat Bandar Tirana, ibu kota republik Albania.

Anugerah itu akan disampaikan oleh Datuk Bandar Tirana, Sali Kelmendi pada suatu upacara ringkas di Dewan Bandaran Tirana pada hari Selasa, hari terakhir lawatan Perdana Menteri ke negara ini.

Dr Mahathir akan diiringi oleh isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali dalam lawatan bersejarah selama tiga hari ke Republik yang baru mengecap kebebasan setelah bertahun-tahun dicengkam oleh pemerintahan diktator komunis.

Malaysia menjalin hubungan diplomatik dengan Albania pada 1981 tetapi hingga kini, kedua-dua negara belum lagi menubuhkan perwakilan diplomatik.

Soal penubuhan perwakilan diplomatik itu akan dibincang oleh Dr Mahathir dengan Presiden Albania Dr Sali Berisha dan rakan sejawatannya Aleksander Meksi. -- Lagi

▼11/07/21-53MST

R GB 11-07 00126 BC076

bah

Mahathir - Warga 2 (Akhir) Tirana

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali berkata Albania telah meminta bantuan kerajaan Malaysia untuk menubuhkan pejabat perwakilannya di Kuala Lumpur.

Selain daripada isu meningkatkan kerjasama ekonomi dan kebudayaan di antara kedua-dua negara, Perdana Menteri juga dijangka membincangkan perkembangan terbaru di Bosnia dan pergolakan di rantau Eropah Timur dalam pertemuannya dengan pemimpin Albania.

Beliau juga dijangka meninjau kemungkinan kerajaan dan badan-badan dakwah di Malaysia membantu rakyat Islam di Albania menegakkan semula syiar Islam di negara ini.

Menurut statistik, lebih 70 peratus rakyat Albania beragama Islam, tetapi sejak pemerintah komunis mengharamkan amalan beragama pada tahun 1967, ramai penduduknya hilang pegangan dan aqidah. -- Bernama

NW sbj

▼11/07/21-55MST